

Penduduk merasakan ada sesuatu yang tidak kena dengan hutan, bukit di kampung mereka

Alam semula jadi Raub diubah



Oleh KHAIRI MOHAMAD dan LILY YEAN
berita@kosmo.com.my

RAUB – Kira-kira 500 penduduk termasuk Orang Asli suku Semai di kawasan Batu Talam dekat sini kini tidak lena tidur apabila mereka mula berdepan ketakutan setelah perkampungan mereka yang aman damai dilanda banjir kilat akibat hujan lebat baru-baru ini.

Bencana alam itu yang pertama kali berlaku sejak perkampungan itu dibuka lima dekad lalu dipercayai berpunca daripada perubahan ekosistem hutan yang terletak di kaki Banjaran Titiwangsa itu.

Jika lima dekad lalu, seluruh perkampungan berkenaan dipenuhi dengan hutan belantara Khatulistiwa, kini persekitarannya telah berubah sama sekali akibat pembalakan.

Tinjauan wartawan *Kosmo!* di kawasan itu semalam mendapati perkampungan tersebut kini dikelilingi kebun sayur, pisang, kelapa sawit dan getah yang diusahakan Orang Asli dan penduduk tempatan di kawasan tapak pembalakan yang telah ditinggalkan.

Ketua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli Pos Sungai Satak, Salim Yuksam bagaimanapun menegaskan, aktiviti pembalakan di kawasan tersebutlah yang merupakan punca utama kejadian banjir baru-baru ini.

“Banjir kilat membawa lumpurnya sekali kelmari cukup membimbangkan kami terutama setiap kali hujan turun. Kini kami sedar ada sesuatu yang tidak



AIR sungai melimpah ke tebing ekoran hujan lebat tanpa henti di sekitar Batu Talam, Raub kelmari.



SEORANG penduduk, Ibrahim Abdullah bergambar bersama perabot yang rosak ekoran banjir kilat yang melanda perkampungan Orang Asli Pos Sungai Satak, Raub.



KERATAN *Kosmo!* semalam.

kena dengan hutan dan bukit yang berada di sekeliling kami,” katanya ketika ditemui semalam.

Semalam *Kosmo!* melaporkan kira-kira 100 rumah Orang Asli di sekitar Batu Talam dilanda banjir kilat akibat hujan lebat selama empat jam yang menyebabkan paras air Sungai Tanjung Malim dan Sungai Lipis naik mendadak dan melimpahi tebing.

Menurutnya, tidak mustahil kejadian awal pagi Khamis lalu kembali berulang serta melibatkan kehilangan nyawa.

Dalam pada itu, tinjauan *Kosmo!* di beberapa kawasan termasuk Hutan Lipur Lata Lembik mendapati kawasan bekas tapak pembalakan yang terletak kira-kira satu kilometer dari situ telah dipenuhi dengan tanaman pisang berskala besar.

Lebih menghairankan, ketika wartawan *Kosmo!* menjejaskan kaki ke kawasan tersebut, terpancip sebuah papan tanda menyatakan bahawa ia merupakan kawasan hutan simpan yang sepatutnya tidak boleh dijalankan sebarang aktiviti pertanian.



Keadaan sebaliknya berlaku di situ.

Sementara itu, seorang lagi penduduk Pos Sungai Satak, Ismail Abdullah, 67, meminta pihak berkuasa memantau kegiatan kerja tanah yang dijalankan di kawasan terlibat bagi mengelak berlakunya bencana yang lebih besar.

“Kami tidak menyalahkan aktiviti pembalakan sepenuhnya, tetapi pembalakan secara tidak terkawal boleh menjadi penyumbang terbesar yang memburukkan keadaan,” jelasnya.

Agensi kerajaan buat siasatan terperinci

KUANTAN – Siasatan terperinci akan dijalankan oleh beberapa agensi kerajaan untuk mengenal pasti punca kejadian banjir kilat yang melanda Batu Talam, Raub kelmari.

Antara pihak yang terlibat ialah polis, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA) Pahang, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Raub.

Siasatan tersebut turut mengambil kira dakwaan penduduk mengenai penerokaan hutan secara haram dan projek jalan raya yang terbengkalai menjadi punca kejadian banjir kilat.

Pengarah JKOA Pahang, Isa Abdul Hamid berkata, memang terdapat tanah yang diteroka oleh Orang Asli untuk tujuan berkebun secara tradisional tetapi ia dijalankan dalam skala kecil.

“Jadi tidak mungkin ia boleh menyebabkan banjir kilat yang berlaku baru-baru ini,” ujarnya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.